

Jemaah Mulai Selesa Dengan Amalan Norma Baharu

Oleh: Muhammad Haiman 4 Disember 2020



Penjarakkan sosial yang dilaksanakan oleh para Jemaah masjid ketika kuliah diadakan

FELDA KECHAU: Jemaah masjid telah menyesuaikan diri mereka dalam mendepani prosedur baharu yang diumumkan oleh Kementerian Kesihatan susulan penularan Covid-19 yang semakin mendadak.

Pengerusi Masjid Al-Falah Ladang FGV Kechau 07, Ahmad Loqman berkata, meskipun Pahang tidak termasuk dalam senarai negeri Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) pihak masjid harus memastikan jemaah terus mematuhi prosedur operasi standard (SOP).

“Pada masa yang sama jemaah masjid mudah mematuhi SOP kerana mereka tidak hadir dalam kumpulan yang ramai.

“Khutbah Jumaat kebiasaan dibaca enam hingga ke tujuh helaian muka surat tetapi untuk menghadkan masa telah dipendekkan menjadi tiga helaian muka surat. Aktiviti kuliah agama pula boleh diadakan dengan mendapat kebenaran daripada pejabat agama daerah”.

Beliau berkata, sekiranya ada pihak yang hendak mengadakan majlis tahlil atau kesyukuran, digalakkan untuk membungkus dan membawa pulang hidangan yang disediakan.

Menurutnya lagi, pihak masjid dibantu oleh polis bantuan Felda bagi memastikan jemaah mematuhi arahan SOP ketika hadir menunaikan solat di masjid.

Setakat ini jemaah masjid sangat patuh dengan arahan SOP yang telah ditetapkan iaitu membawa sejadah sendiri, mengambil wuduk dari rumah, memakai pelitup muka dan menjaga penjarakan sosial.

Pematuhan ini telah memudahkan semua pihak supaya mereka dapat menunaikan solat fardhu berjemaah di masjid seperti biasa.